

Nelayan Sabah dapat RM16j elaun sara hidup pada 2010 - LKIM

26/04/2011 4:49pm

TAWAU 26 April — Kerajaan membelanjakan sebanyak RM16.3 juta bagi membayar elaun sara hidup kepada kira-kira 6,300 nelayan tempatan di Sabah sepanjang 2010, kata Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sabah, Jamaludin Othman.

Beliau berkata, jumlah berkenaan tidak termasuk bayaran insentif untuk setiap kilogram ikan yang ditangkap nelayan setiap kali mereka turun ke laut.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Tawau di sini hari ini, Jamaludin berkata, untuk layak mendapat elaun sara hidup, nelayan mestilah warga negara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas, memiliki kad nelayan dikeluarkan Jabatan Perikanan dan lesen menangkap serta tidak mempunyai pendapatan tetap.

Jamaludin juga berkata jumlah insentif tangkapan ikan yang telah dibayar kepada nelayan Sabah pada tahun 2009 ialah sebanyak RM4.7 juta melibatkan lebih 12,000 buah bot dengan 24,691 orang nelayan.

Katanya bayaran insentif berkenaan diperkenalkan kerajaan selain bertujuan menjamin keselamatan bekalan makanan negara dari segi sumber laut juga bagi menggalakan nelayan turun ke laut dan mendaratkan tangkapan mereka. — Bernama